

Tun Arifin Pengerusi Kumpulan PNB, Pemegang Amanah YPB

Kuala Lumpur: Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) mengumumkan pelantikan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria sebagai Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Pemegang Amanah YPB, berkuat kuasa semalam.

Ariffin adalah Ketua Hakim Negara antara 2011 dan 2017 serta Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dari 2008 hingga 2011, selain pernah memegang pelbagai jawatan di Jabatan Kehakiman dan Jabatan Perundangan Kerajaan Malaysia.

Antara jawatannya sebelum ini termasuk majistret, peguam dan Peguam Kanan Persekutuan serta Penasihat Undang-Undang Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pada 1992, Arifin dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebelum menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, dua tahun kemudian.



Arifin Zakaria

Beliau yang ditugaskan ke Mahkamah Rayuan pada 2002 dan Mahkamah Persekutuan pada 2005, mengikuti Pengajian Undang-Undang di University of Sheffield, United Kingdom (UK) dan mendapat ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) dari University College London, UK.

Dalam satu kenyataan semalam, YPB turut mengumumkan pelantikan Datin Norazah Ra-

zali ke Lembaga Pengarah PNB, berkuat kuasa 6 Mei 2021.

Norazah adalah Penasihat Kanan di Boston Consulting Group (BCG) yang membawa bersama lebih 20 tahun pengalaman perundingan strategik serta pengurusan yang mengkhususkan transformasi perniagaan dan organisasi, penstrukturan, strategi yang dipacu pertumbuhan, pengembangan bakat dan kepemimpinan serta tadbir urus.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Ke-

pujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Sekolah Pengurusan, Imperial College London, UK.

“Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan PNB mengalu-alukan Arifin dan Norazah ke Lembaga Pengarah dan teruja menantikan sumbangan mereka dalam mengawasi institusi dan aset yang diuruskan bagi pihak 14 juta rakyat Malaysia,” kata Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn.